

Media Title : Berita Harian  
Headline : 2 keldai akaun ditahan babit kerugian RM54,000  
Date : 7 November 2024  
Section : Nasional  
Page : 18



# 2 keldai akaun ditahan babit kerugian RM54,000

**Balik Pulau:** Polis menahan dua lelaki dipercayai menjadi keldai akaun kepada sindiket penipuan sehingga menyebabkan kerugian berjumlah RM54,000.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Asisten Komisyoner Sazalee Adam, berkata suspek berusia 25 dan 34 tahun itu ditahan secara berasingan di negeri ini oleh pasukan Bahagian Siasatan Jenayah Komerisial Barat Daya, kelmarin.

“Dalam kes pertama, lelaki berusia 25 tahun itu ditahan di Bukit Mertajam, dekat sini kerana disyaki menjadi keldai akaun sindiket ‘Phone Scam’ sehingga menyebabkan mangsa kerugian RM30,000.

“Berdasarkan laporan, mangsa menerima panggilan telefon daripada individu yang memperkenalkan diri daripada pihak penghantar barang dan memaklumkan namanya (mangsa) disenarai hitam kerana terbabit dengan kes pengubahan wang haram,” katanya ketika dihubungi BERNAMA, semalam.

Beliau berkata, talian

seterusnya disambungkan kepada seorang lelaki yang mengaku sebagai pegawai polis dan meminta mangsa memindahkan semua wang ke dalam satu akaun bagi tujuan siasatan.

Sazalee berkata, mangsa memindahkan wangnya sebanyak RM30,000 menerusi transaksi dalam talian sebelum curiga selepas diminta untuk membuat pemindahan duit sekali lagi, justeru bertindak membuat laporan polis.

Beliau berkata, lelaki kedua pula ditahan di Tasek Gelugor, dekat sini kerana disyaki menjadi keldai akaun dalam urusan pinjaman

wang secara dalam talian melalui aplikasi Facebook sehingga mangsa kerugian RM24,000.

“Mangsa berhubung dengan seorang lelaki untuk tujuan pinjaman wang RM100,000 sebelum dia diarahkan untuk membuat transaksi ke beberapa akaun bank yang diberikan bagi urusan pinjaman wang dan membuat tujuh transaksi dengan jumlah keseluruhan RM24,000,” katanya.

Kedua-dua lelaki itu kini direman bagi membantu siasatan dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan. BERNAMA

“Dalam kes pertama, lelaki berusia 25 tahun itu ditahan di Bukit Mertajam, dekat sini kerana disyaki menjadi keldai akaun sindiket ‘Phone Scam’ sehingga menyebabkan mangsa kerugian RM30,000”

**Sazalee Adam,**  
Ketua Polis Daerah Barat Daya

